

**TARI DALAM TEATER: ANALISIS
PERBANDINGAN KONSEP KOREOGRAFI
DALAM DUA BUAH TEATER MUZIKAL
TEMPATAN**



SHARIP ZAINAL BIN SAGKIF SHEK

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

**TARI DALAM TEATER: ANALISIS
PERBANDINGAN KONSEP KOREOGRAFI
DALAM DUA BUAH TEATER MUZIKAL
TEMPATAN**

SHARIP ZAINAL BIN SAGKIF SHEK



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SENI KREATIF**

**SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satu telah saya jelaskan sumbernya.

28 Mac 2013

Sharip Zainal Bin Sagkif Shek
PY 20118001



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SHARIP ZAINAL BIN SAGKIF SHEK**
NO. MATRIK : **PY20118001**
TAJUK : **TARI DALAM TEATER: ANALISIS PERBANDINGAN
KONSEP KOREOGRAFI DALAM DUA BUAH TEATER
MUZIKAL TEMPATAN**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**
TARIKH VIVA : **30 OGOS 2013**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Rohani Md. Yousoff



Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Rohani Md. Yousoff', written over a horizontal line.

UNMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Rohani Md Yousof dari Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah yang telah menyelia dan memberi panduan kepada saya sepanjang penyelidikan ini. Dorongan berterusan yang dibekalkan kepada saya menjadi perangsang untuk melengkapkan kajian saya. Ribuan terima kasih dan kasih sayang kepada seluruh keluarga saya yang tidak pernah putus memberikan sokongan dan dorongan kepada saya untuk terus berjaya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Ismail Hj. Ibrahim yang memberi kepercayaan kepada saya untuk menjadi salah seorang pelajar pasca Sekolah Pengajian Seni. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada informan penyelidikan ini, iaitu Rosminah Mohd. Tahir dan Khairunazwan B. Rodzy kerana memberi kebenaran kepada saya untuk mengambil naskhah muzikal *Ibu Zain* dan muzikal *Tun Abdul Razak* sebagai bahan kajian untuk melengkapkan tesis ini. Terima kasih kepada En. Sharifudin Zainal atas bantuan memberi maklumat tentang teater. Ucapan terima kasih kepada mereka yang membantu saya samada secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan penyeldiikan dan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhitung dengan angka dan kata-kata, hanya Tuhan yang dapat membalas jasa baik anda semua.

Sharip Zainal Bin Sagkif Shek
28 Mac 2013

ABSTRAK

Penggunaan tarian dalam teater boleh mengelirukan jika pilihan bergerak dan pergerakan tidak berdasarkan kepada konsep tertentu. "Teater muzikal" merujuk kepada penggunaan tarian, pergerakan, muzik, dan lagu tetapi jika tidak dirancang melalui koreografi hasilnya akan muncul sebagai pengisian yang telah ditampal sahaja. Tesis ini berharap untuk mendedahkan fungsi dan peranan tari dalam teater dan juga penggunaan tarian dalam teater muzikal. Kajian ini akan melihat apa itu tarian dalam teater dan membincangkan fungsi dan peranan tarian dalam pementasan teater, khususnya dalam teater muzikal. Bagaimana tarian boleh meningkatkan pengeluaran teater muzikal dan keperluan tarian dalam teater turut diserlah secara perbandingan dalam tesis ini.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

DANCE IN THEATRE: COMPARATIVE ANALYSIS OF THE CONCEPT OF CHOREOGRAPHY IN TWO LOCAL MUSICAL THEATER

The use of dance in theatre can be confusing if the choice of moves and movements are not based on a particular concept. "Musical theatre" refers to use of dance, movements, music and song in theatre however if it is not well choreographed the results will appear as fillers that have been pasted on. This thesis hopes to study the functions and role of dance in theatre as well as the use and function of music of dance especially in a 'musical theatre'. This study will look at what dance is in theatre and will discuss the function and role of dance specifically in a "musical theatre" through a comparison of theatre productions.



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman	
TAJUK	i	
PENGAKUAN	ii	
PENGESAHAN	iii	
PENGHARGAAN	iv	
ABSTRAK	v	
<i>ABSTRACT</i>	vi	
SENARAI KANDUNGAN	vii	
SENARAI GAMBAR	x	
SENARAI RAJAH	xi	
BAB 1 : PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Tari	4
1.2.2	Tarian	7
1.2.3	Teater	9
1.2.4	Teater Muzikal	10
1.2.5	Tari dalam Teater Muzikal	13
1.3	Permasalahan Kajian	15
1.4	Persoalan Kajian	15
1.5	Objektif Kajian	15
1.6	Kaedah Kajian	16
1.7	Pengumpulan Data	16
1.7.1	Data Kajian	17
1.7.2	Latar Belakang Produksi	17
1.7.3	Muzikal Ibu Zain	19
1.7.4	Latar Belakang Naskah Muzikal Ibu Zain	19
1.7.5	Latar Cerita Muzikal Ibu Zain	20
1.7.6	Sinopsis Muzikal Ibu Zain	22
1.7.7	Latar Belakang Pengkarya Muzikal Ibu Zain	24

1.7.8	Muzikal Tun Abdul Razak	25
1.7.9	Latar Cerita Muzikal Tun Abdul Razak	26
1.7.10	Sinopsis Muzikal Tun Abdul Razak	27
1.7.11	Latar Belakang Pengkarya Muzikal Tun Abdul Razak	27
1.8	Kajian Lapangan	28
1.9	Kerangka Teori	29
1.10	Kepentingan Kajian	29
1.11	Skop Kajian	31
1.12	Sorotan Literatur	32
1.13	Kesimpulan	35
BAB 2: TEORI DALAM KOREOGRAFI		
2.1	Pendahuluan	36
2.2	Etnokoreologi	36
2.3	Pascamodenisme	39
2.4	Dekonstruksi dalam Tari	40
2.5	Kesimpulan	41
BAB 3: PROSES PRODUKSI		
3.1	Pendahuluan	42
3.2	Analisis Skrip	42
3.3	Perbincangan	44
3.3.1	Perbincangan dengan Pengarah	45
3.3.2	Perbincangan dengan Pengarah Muzik	50
3.3.3	Pereka Set dan Kostum	53
3.3.4	Pelakon	54
3.3.5	Penari	55
3.4	Melakukan Pergerakan	57
3.5	Pencukilan Idea Koreografi dari Skrip	58
3.6	Kesimpulan	63
BAB 4: ANALISIS GERAK KERJA		
4.1	Pendahuluan	64
4.2	Tari Dalam Muzikal Ibu Zain dan Muzikal Tun Abdul Razak	64
4.2.1	Pengenalan	65
4.2.2	Tarian pembukaan	66
4.2.3	Penggunaan Tarian Tradisional dalam Penerapan Nilai	70

	Gabungan (Fusion)	
4.3	Muzikal Ibu Zain (Penggunaan Elemen Gerak Tarian Zapin)	70
4.4	Muzikal Tun Abdul Razak (Penggunaan Elemen Gerak Tarian Joget)	72
4.5	Penggunaan Konsep "Sign" atau Tanda dalam Koreografi	74
4.5.1	Penggunaan Konsep Sign atau Tanda dalam Koreografi Muzikal Ibu Zain	76
4.5.2	Penggunaan Konsep Sign atau Tanda dalam Koreografi Muzikal Tun Abdul Razak	78
4.6	Penggunaan Konsep Seni Bela Diri (Silat) dalam Koreografi Muzikal Ibu Zain	79
4.7	Penggunaan Konsep Seni Bela Diri (Silat) dalam Koreografi Muzikal Tun Abdul Razak	82
4.8	Penggunaan Konsep Props atau Peralatan dalam Koreografi Muzikal Ibu Zain	85
4.9	Penggunaan Konsep Props atau Peralatan dalam Koreografi Muzikal Tun Abdul Razak	87
4.10	Kesinambungan Konsep Tari dan Gaya Koreografi dalam Bentuk Teknikal dan Praktikal	91
4.11	Tari Penutup dalam kedudukan Statik dengan Menggunakan Gerak, Gaya Tubuh, Simbol atau Tanda dan Dialog	92
4.12	Kesimpulan	95
	BAB 5: RUMUSAN	97
	BIBLIOGRAFI	100
	LAMPIRAN	105

SENARAI GAMBAR

	Halaman	
Gambar 3.1	Tarian Pembukaan " <i>Muzikal Ibu Zain</i> "	46
Gambar 3.2	Tarian Pembukaan " <i>Muzikal Tun Abdul Razak</i> "	47
Gambar 3.3	" <i>Muzikal Ibu Zain</i> "	54
Gambar 4.1	" <i>Muzikal Ibu Zain</i> "(pre-pose)	68
Gambar 4.2	Muzikal Tun Abdul Razak (pre-pose)	69
Gambar 4.3	<i>Muzikal Ibu Zain</i> "(pre-pose dan spacing awal gerak tari Zapin)	72
Gambar 4.4	<i>Muzikal Tun Abdul Razak</i> "Pergerakan Tarian Joget	74
Gambar 4.5	" <i>Muzikal Ibu Zain</i> "	77
Gambar 4.6	" <i>Muzikal Ibu Zain</i> " Konsep Koreografi Sign	79
Gambar 4.7	<i>Muzikal Ibu Zain</i> "Konsep Koreografi Silat	81
Gambar 4.8	<i>Muzikal Tun Abdul Razak</i> " Konsep Koreografi Silat	84
Gambar 4.9	" <i>Muzikal Ibu Zain</i> " Penggunaan Props	87
Gambar 4.10	<i>Muzikal Tun Abdul Razak</i> " Penggunaan Props	90
Gambar 4.11	Imej Babak Terakhir dalam " <i>Muzikal Ibu Zain</i> "	93
Gambar 4.12	Imej dalam babak utama dalam " <i>Muzikal Tun Abdul Razak</i> "	94

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 3.1	Putaran Kronologi Tugas dalam Produksi Muzikal	45
Rajah 3.2	<i>"Muzikal Ibu Zain"</i>	59
Rajah 3.3	<i>"Muzikal Tun Abdul Razak"</i>	60



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kegunaan tari dalam persembahan sebuah teater muzikal bukan setakat pengisian untuk memenuhi syarat supaya persembahan itu boleh dikenali sebagai muzikal. Kegunaan tari dalam teater muzikal haruslah memberi impak yang besar untuk menyokong cerita itu sendiri, kesinambungan di antara babak ke babak dan lebih penting lagi, kegunaan tari dalam teater muzikal sepatutnya dapat melambangkan latar budaya dalam teater muzikal tersebut. Persembahan tari dalam teater yang dimaksudkan bukan sahaja tertumpu kepada bentuk yang berada di atas pentas atau di layar perak. Jenis tarian dan geraktari yang dipersembahkan dipilih dan direkapipta oleh seorang pereka tari atau koreografer. Seseorang koreografer semestinya memikirkan bagaimana pemilihan bentuk tari dan gerak tarian serta rekapipta koreografinya akan membawa makna dalam persembahan secara keseluruhan. Seseorang koreografer harus memberikan impak koreografi yang berkesan untuk melengkapkan penceritaan serta menimbulkan 'mood' atau situasi yang tertentu dalam sebuah persembahan teater muzikal. Penyelidikan ini diharapkan dapat menerangkan dan memberi keterangan secara terperinci bagaimana tari dan geraktari yang dipilih serta direkapipta oleh seorang koreografer dapat membantu untuk memahami imej, mesej dan falsafah yang ingin diketengahkan oleh seorang koreografer yang terpaksa menterjemah naskah skrip dalam pementasan sebuah teater muzikal. Proses pilihan dan rekapipta adalah satu perjalanan yang rumit dan penerangan prosedur ini diharapkan dapat menerangkan kesinambungan di antara skrip dan tarian serta geraktari yang dipilih atau direkapipta oleh koreografer.

Kajian ini akan melihat sejauh mana penggunaan teori-teori dan terminologi barat dapat menerangkan bagaimana koreografer dapat mengekalkan budaya tempatan. Kepentingan kegunaan teori adalah untuk memberi keterangan yang

dapat menyokong sesebuah pilihan dan rekacipt yang ingin diperjelaskan maksud dan maknanya. Sebagai contoh, penggunaan gerak-gerak tari tradisi yang digarap dengan gabungan gerak-gerak tari kontemporari, agar dapat memberikan satu pelaksanaan persembahan pentas yang sesuai dengan kehendak skrip untuk menyampaikan mesej tertentu supaya penonton memahami apa yang hendak diceritakan dalam sesebuah babak.

Penyelidikan ini juga meneliti kegunaan tari dan geraktari dalam teater muzikal yang dapat memberi impak dan signifikasi yang mendalam terhadap pelaksanaan setiap penampilan atau pementasan yang akan menyokong cerita yang hendak disampaikan. Proses ini merangkumi penglibatan, pelaksanaan dan kegiatan penyelidikan melalui koreografi dengan perbandingan melalui "Teater Muzikal Ibu Zain" dan "Teater Muzikal Tun Abdul Razak".

1.2 Latar Belakang Kajian

Muzik, lagu dan tarian sudah lama wujud dalam kehidupan dan budaya orang Melayu. Situasi ini telah menjadi antara saluran seni untuk melafazkan terjemahan dalam bentuk estetika atau bentuk keindahan dalam prosa dan frasa kata yang digunakan dalam pelbagai pendekatan seni irama melayu sebagai contoh pantun, seloka, gurindam, madah, syair dan langgam. Walaubagaimanapun penggunaan unsur muzik dalam Teater Melayu telah melalui banyak perubahan seperti dalam Teater Tradisional, Teater Rakyat, Sandiwara, Bangsawan, Teater Moden dan seterusnya, mengikut aliran masa dan selera. Pengaruh dari luar juga memainkan peranan penting dalam evolusi Teater Melayu, dari ritual dan budaya ke persembahan komersial. Pengkomersilan ini telahpun diiktirafkan oleh kerajaan dan persembahan teater merangkumi Seni Persembahan sebagai Industri Kreatif yang menyumbang kepada negara adalah seperti berikut:

Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) mendefinisikan Industri Kreatif Seni Budaya sebagai "...industri-industri yang berkaitan dengan penghasilan karya-karya seni yang bercirikan budaya Malaysia..." seperti berikut: " Kraf, Seni Visual, Seni Muzik, Seni Persembahan, Penulisan Kreatif, Fesyen dan Tekstil.

Sementara itu dalam perspektif ekonomi pula, industri kesenian menyumbang dalam menjana ekonomi dan sosiobudaya adalah seperti berikut:

Dalam perspektif ekonomi dan sosiobudaya Malaysia, industri kreatif telah memberi sumbangan sebanyak RM9.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2008 dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa.


Pengisian DIKN perlu dilihat dari segi mutu persembahan. Pencapaian mutu pula bermaksud melaksanakan karya secara profesional dan berilmiah. Oleh itu fahaman tentang seni persembahan amat penting bukan sahaja sebagai penyumbang ekonomi negara tetapi bahan ilmiah. Dalam pada itu, pengekal budaya menjadi faktor penting apabila memilih naskhah yang bermutu dan persembahan mesti memenuhi selera penonton masakini yang terdedah dengan persembahan antarabangsa yang menjadi tanda aras bagi khalayak. Dalam mengusahakan pengekal budaya pendekatan baru perlu diambil supaya selera penonton diambilkira. Perlaksanaan ini harus sejajar dengan perkembangan masa kini dan menambah penggunaan teknologi moden sambil mengekalkan identiti teater muzikal tersebut sebagai teater muzikal Malaysia yang menyumbang kepada ekonomi negara.

Dalam seni persembahan istilah-istilah dalam bidang ini kadang-kadang mengelirukan. Ini disebabkan oleh pengaruh dari luar dan perkembangan yang mengeluarkan istilah-istilah yang belum dikenali oleh penggiat seni persembahan di Malaysia. Istilah "teater muzikal" sebagai genre teater masih menimbulkan pertanyaan tentang isi kandungannya. Ini adalah kerana "teater muzikal" adalah konsep yang lahir dan bermula dari negara barat maka isi kandungan mesti mengikut apa yang telah ditetapkan oleh barat.

1.2.1 Tari

Tarian adalah satu bentuk seni yang secara umumnya adalah merujuk dan melihat kepada pergerakan badan. Biasanya gerak badan yang berirama dan seiring dengan perjalanan iringan muzik adalah pendekatan yang digunakan sebagai satu bentuk interaksi serta satu bentuk ungkapan gerak yang dibentangkan dalam suasana aliran gerak berirama dan penyatuan ritma pergerakan mengalir. Tarian juga boleh dianggap sebagai satu bentuk komunikasi bukan lisan di antara manusia. Tvrtko Zebec melihat tari sebagai satu fenomena yang boleh dilihat dari pemerhatian dan analisis. Bagi beliau, tarian adalah ekspresi komunikasi yang berbagai dimensi.

Koreografer tersohor Martha Graham menyatakan pengalamannya sebagai penari adalah seperti berikut:



"I am a dancer. My experience has been with an art. Each art has an instrument and a medium. The instrument of dance is the human body, the medium is movement...to dance significantly means 'through the medium of discipline and by means of sensitive, strong instrument'"

(Graham, 1941: hlm. 178).

"Sebagai penari. Pengalaman saya adalah dengan seni. Setiap kesenian mempunyai alat dan medium. Instrumentasi tari adalah badan manusia, pergerakan adalah alat ...menari dengan signifikasi yang ketara bermaksud 'melalui midium disiplin dan dengan cara yang lebih peka, adalah instrumentasi yang kuat'".

(terjemahan oleh pengkaji).

Jika dilihat daripada penerangan Martha Graham seperti di atas, secara ringkas ini bermaksud tubuh badan adalah peralatan (*instrument*) di mana mediumnya adalah pergerakan. Maka, untuk menari secara berkesan, seseorang perlu melalui disiplin medium dan dengan peralatan yang sensitive dan kuat. Setiap tarian, tidak kira apa gaya, mempunyai sesuatu persamaan. Perkara ini

bukan sahaja merujuk kepada bentuk yang melibatkan fleksibiliti dan pergerakan badan tetapi juga fizikal dan pendekatan gerak yang digunakan. Jika fizikal yang wajar tidak diambilkira, kecederaan boleh berlaku.

Tvrtko Zebec berpendapat, tarian yang sebenar dan signifikansi tari tidak terlihat hanya dengan mata, melainkan seseorang menyertai tarian itu tetapi juga dengan badan dan jiwa. Tidak ada pengalaman tarian sepenuhnya melainkan seseorang terlibat dalam tarian itu sendiri

(Tvrtko Zebec: 1995, 202).

Peter Brook pula memberi pandangannya terhadap latihan untuk penari:

"..An untrained body is like an untuned musical instrument. Its sounding box is filled with a confusing and ugly jangle of useless noises that prevent the true melody from being heard"

(Brook, 1993: 2).

"..Sebuah badan tidak terlatih adalah seperti alat muzik yang hilang nada. Seperti sebuah kotak yang dipenuhi dengan bunyi yang mengelirukan serta bunyi tidak berguna yang menghalang melodi yang benar dari didengari.."

(terjemahan oleh pengkaji).

Ini bermaksud bahawa tubuh badan yang tidak dilatih dengan sempurna dan baik adalah seumpama alat muzik tidak ditala atau yang tidak bernada dan melodi. Kotak suaranya diisi dengan bunyi-bunyian yang tidak berguna yang mengelirukan dan nada serta melodi yang buruk akan menghalang melodi sebenar dari kedengaran. Kenyatannya seperti berikut:

"This is the description of dance within the first function of art. Many forms of dance, on the other hand, have story of human experience to share. Cultural performances from Southeast Asia, such as dances

from Indonesia, Malaysia and Thailand, present stories of love, mystery and intrigue”

(Zimmerly and Llyod, 2003: 19-20).

“..keterangan tentang tarian dalam fungsi pertama bentuk seni. Pelbagai bentuk tarian, di sisi lain, mempunyai kisah pengalaman manusia untuk dikongsi. Persembahan kebudayaan dari Asia Tenggara, seperti tarian dari Indonesia, Malaysia dan Thailand yang berkenaan tentang cerita ini cinta, misteri dan tipu daya..”

(terjemahan oleh pengkaji).

Tentang tarian dalam rangkuman fungsi pertama seni Zimmerly dan Llyod menyatakan bahawa bagi mereka banyak jenis tarian ada cerita pengalaman yang mahu dikongsi. Tarian kebudayaan dan Indonesia, Malaysia dan Thailand mempersembahkan cerita-cerita tentang kasih, misteri dan muslihat.

John Howkins, bagaimanapun berbeza pendapat. Mengikut beliau seringkali orang menonton tarian dan bertanya apa yang dimaksudkan dengan tarian tersebut. Tarian tersebut melambangkan apa dan cerita tentang apa yang hendak disampaikan. Persoalan-persoalan ini seringkali ditanyakan. Menurut John Howkins, dalam tari tidak perlu untuk memberi makna kepada pergerakan. Ia boleh menjadi hanya pergerakan untuk keindahan tari itu sendiri, kemahiran dan keindahan dalam bentuk. Perkara ini merujuk kepada keindahan estetika tari itu sendiri. Kenyataannya adalah:

"So many times when people see dances they say, 'well, what does it mean? What does it represent? What stories are you telling? But I say in dance it is not necessary to make the movement mean anything. They can simply be movement for the sake of their own beauty, skill and loveliness of form".

(John Howkins)

“..Jadi banyak kali apabila orang melihat tarian yang mereka katakan, 'baik, apa maknanya? Apa yang mewakili? Apa cerita yang anda memberitahu? Tetapi aku berkata dalam tarian ia tidak perlu untuk membuat pergerakan bermakna apa-apa. Mereka hanya boleh menjadi gerakan demi kecantikan sendiri, kemahiran dan kecantikan bentuk mereka”.

(terjemahan oleh penyelidik)

Tentang tarian rakyat Anthony Shay juga berkata bawa jenis tarian ini “...telah dianggap sebagai penanda identiti jatidiri pendatang and kumpulan-kumpulan etnik lebih dari satu abad” (Anthony Shay, 2006: 221). Mengikut Anthony Shay “...masyarakat etnik dan pendatang menggunakan tarian sebagai ikon visual identiti mereka...” dan pilihan ini sering menyumbang kepada pembinaan identiti (Anthony Shay, 2006: 221).

1.2.2 Tarian

Definisi apa yang hendak disampaikan dan apa yang membentuk tarian adalah bergantung kepada sistem dan bentuk sosial, kekangan budaya, estetik, seni dan moral dan perlbagai dari pergerakan berfungsi seperti tarian rakyat. Tarian boleh menjadi penyertaan sosial atau dilaksanakan semata-mata untuk penonton. Pergerakan tarian seperti dalam tarian ballet mempunyai perbendaharaan gerak atau *gesture* yang tersendiri. Manakala sistem gerak dan pergerakan yang lebih abstrak dan simbolik dalam kebanyakan tarian Asia adalah menjadi satu bentuk keunikan, eksotik dan autentik yang tersendiri yang sememangnya tidak ada pada tarian-tarian rakyat di Barat.

Tarian di Malaysia sudah lama wujud dan kebanyakan tarian di Malaysia sudah lama bertapak di negeri-negeri yang terdapat di Malaysia. Tarian-tarian seperti tarian rakyat, tarian klasik dan tarian tradisional adalah antara tarian yang seringkali di tarikan dalam majlis keramaian, majlis rasmi dan majlis santapan diraja. Antara tarian rakyat yang paling popular adalah seperti tarian Zapin, Inang, Joget dan Melayu Asli. Tarian ini sudah diangkat menjadi tarian kebangsaan Malaysia.

Tarian klasik pula adalah seperti tarian Asyik, Layang Mas, Terinai Mengadap dan Joget Gamelan. Tarian klasik ini adalah tarian yang ditarikan di istana pada suatu ketika semasa zaman pemerintahan beraja di Tanah Melayu. Tarian tradisional pula adalah kebanyakannya akan merujuk kepada tarian etnik. Tarian etnik ini adalah tarian yang ditarikan oleh suku kaum mendiami beberapa kawasan terutamanya di Sabah dan Sarawak. Jika merujuk kepada tarian di negeri Sabah antaranya seperti tarian Sumazau, Daling-daling, Igal-igal, Limbai, Kuda Pasu, Pianakang, Mongiggol Sumundai dan sebagainya. Tarian-tarian tersebut adalah ditarikan oleh, antaranya suku kaum Kadazan Dusun, Suluk, Bajau Kota Belud, Bajau Semporna, Rungus (sumber rujukan adalah Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Sabah Tourism Board). Di negeri Sarawak pula antaranya tarian Ngajat Ngeleput, Ngajat Orang Ulu, Ngajat Lesung, Rejang Be'eh, Zapin Sebat, Zapin Sindang dan sebagainya. Tarian-tarian tersebut adalah ditarikan antaranya oleh suku kaum Iban, Orang Ulu, Bidayuh, Melanau, Melayu Sarawak, Brunei Sarawak (sumber rujukan Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak Unit Kebudayaan, Kampung Budaya Sarawak). Tarian-tarian yang disebutkan diatas adalah kesemuanya ditarikan mengikut negeri-negeri masing-masing.

Tari juga dikaitkan dengan unsur-unsur ritual dan pemujaan di mana boleh menjadi upacara, berdayasaing atau eksotik. Banyak bentuk tarian kontemporari boleh disusur kembali kepada sejarah, tarian tradisional, upacara. Perkembangan tari di Malaysia telah banyak dipengaruhi oleh pengaruh dari Barat. Sebagai contohnya penggunaan gerak, muzik, pemakaian, pementasan dan persembahan yang berkembang dari masa ke semasa dengan pelbagai bentuk penambahan dan gaya perlaksanaannya serta persembahannya sebagai contoh adalah seperti *Breakdancing* dan *Krumping* yang dengan budaya *Hip-hop*.

Akan tetapi dalam budaya masyarakat tradisi Melayu, bentuk-bentuk seperti tari, lagu, percakapan dan muzik tidak boleh diasingkan. Persembahan begini dipanggil Teater Tradisional yang sering dikaitkan dengan kepercayaan turun-temurun. Ini berbeza dengan persembahan tari di barat yang lebih kepada hiburan. Untuk mengesahkan permulaan, kewujudan seni persembahan dan dalam

mencari teori, pengkaji dari barat rujuk kepada masyarakat tradisi. Ini termasuk kajian tentang seni persembahan teater (Rahmah Bujang: 1975).

1.2.3 Teater

Sejarawan teater Oscar Brockett berkata bahawa kebanyakan kritik dan sejarawan setuju bahwa ritual adalah satu sumber permulaan teater (1982: 4). Mengikut beliau lagi, persamaan ritual dan teater ialah kedua-duanya mengandungi unsur-unsur asas, seperti: muzik, tarian, percakapan atau dialog, topeng, kostum, pemain, penonton dan pentas. Teater dipercayai bermula dari ritual untuk menghormati kuasa ghaib (Brockett, 3). Cara menenangkan kuasa ghaib ini bermula dengan membuat bunyian atau menepuk tangan dan mengandungi pergerakan (Mohamed Ghouse, 2000: xvi). Scott pula percaya bahawa teater timbul dari bunyian, ritma dan pergerakan yang datang dari pelbagai sumber asli (Scott, 2). Jika semua yang dikaji ada kebenaran, tidak hairanlah jika Teater Melayu sudah lama menggunakan muzik, tarian dan nyanyian dalam persembahan, terutama teater tradisional seperti Makyong dan Mek Mulong. Perubahan terjadi, dari ritual ke realiti praktikal ke upacara rasmi. Dengan ini pemain dan persembahan diguna untuk menyebarkan kepercayaan Buddha dan Hindu yang dipercayai sampai ke pantai Malaya seawal abad ke14 (Rafi, xii). Pengaruh Hindu dan Buddha digabung dengan budaya dan kepercayaan orang tempatan untuk mendapatkan identiti budaya orang Melayu. Evolusi terjadi dengan kedatangan Islam dan pedagang dari Timur Tengah. Teater tradisional Melayu seperti Bangsawan, Mak Yong, Mek Mulong, Menorah adalah menggunakan kesemua unsur teater muzikal yangmana kesemuanya memberi pendekatan dan penekanan kepada bentuk tari, lakon, muzik, dialog dan pergerakan. Contoh yang boleh diberikan adalah teater tradisional Mak Yong yang telah bermula pada tahun 1925 (Winstedt, 1925: 44-6).

Bentuk-bentuk tarian yang berkembang melalui teater mempunyai makna ekspresi yang berbeza berbanding tari pergaulan. Penelitian teater sebetulnya mempunyai ruang lingkup yang luas, kerana tidak terbatas pada satu etnik saja. Perkembangan teater Bangsawan oleh beberapa kalangan dianggap sebagai peralihan daripada teater tradisional kepada teater moden (Rahmah Bujang, 1975).

Walaupun asal-usul Bangsawan adalah Teater Pari yang dibawa dari Bombay ke Pulau Pinang (Wan, 1988: 35). faktor penting yang tidak boleh diabaikan iaitu bahawa teater Bangsawan menggunakan bahasa Melayu, yang pada awal pertumbuhannya memberi sumbangan pada pertumbuhan *lingua franca* yang tersendiri.

Oleh kerana kegemaran orang Melayu terhadap lagu, muzik dan tarian tidak hairanlah jika teater muzikal masih yang popular buat masakini. Senario persembahan teater di Malaysia telah melalui perubahan dari teater Bangsawan ke Sandiwara ke Teater Moden sehingga Teater Muzikal. Dari persembahan Bangsawan yang hanya menggunakan muzik, tarian dan nyanyian di beberapa tempat dalam persembahan, teater Melayu telah meresapkan gaya persembahan Barat melalui persembahan Teater Muzikal.

1.2.4 Teater Muzikal

Istilah "teater muzikal" sebagai genre teater masih menimbulkan tanda-tanya tentang isi kandung dalam *genre* teater ini. Ini adalah kerana 'teater muzikal' diambil dari barat yang bermakna kandungan mesti mengikut apa yang telah ditetapkan oleh barat. Ia merupakan satu format teater yang menggabungkan lagu-lagu, dialog pengucapan dan gerak-tari dalam satu pementasan muzikal. Penyampaian disampaikan dalam bentuk perkataan, menerusi muzik, pergerakan tari dan kesinambungan teknikal seperti lampu, set, props, kostum dan teknik koreografi dalam persembahannya. Perkataan *Musical* mula diperkenalkan secara umum bagi merujuk kepada teater muzikal adalah seawal abad ke-dua puluh (ke-20). *Book Musical* juga mula dikenali sebagai hasil antara Walaupun *Musical* yang menggabungkan rekaan cerita dengan penuh elemen dramatik yang mampu menerbitkan emosi yang diharapkan. Tiga elemen utama dalam teater muzikal adalah muzik (termasuk nyanyi, *lagu* dan lirik), tari dan lakon. *The Book* adalah merujuk kepada cerita, perkembangan watak, struktur dramatik termasuk pengucapan dialog. Menurut Allen Cohen dan Steven (2006) pengucapan dialog biasanya akan diselitkan berselang-seli dalam lagu-lagu menerusi dialog yang di lagukan atau *recitative*. Ada berbezaan dan berasingan komponen-komponen muzik, lakonan, nyanyian dan tari dalam teater muzikal mesti berkait. Mengikut

pengarah "Teater Muzikal Ibu Zain", Rosminah Mohd. Tahir; kenyataannya adalah seperti berikut:

"Tari dalam teater adalah gabungan tiga elemen utama iaitu tari, teater dan muzik yang digabungkan menjadi muzikal. Dalam sesebuah pementasan muzikal, ketiga-tiga elemen ini mesti bergabung untuk kemantapan sesebuah pementasan dan keberkesanan cerita yang ingin di sampaikan".

Kegunaan muzik dan unsur-unsur pergerakan dan lagu dalam teater di Barat agak lewat berbeza dengan teater tradisional Melayu. Teater Muzikal yang pertama dipentaskan di Barat pada tahun 1866 adalah "The Black Crook" (Morley: 1987, 15). Untuk memenuhi syarat sebuah pementasan digelar "muzikal" isi kandungan adalah 90 peratus muzik. Teater Muzikal menggabungkan lagu, tarian, lakonan dan dialog yang dilafazkan melalui nyanyian dengan hanya 10 peratus disampaikan secara percakapan. Kegunaan muzik merangkumi muzik untuk lagu, muzik "mood" dan muzik untuk tarian. Persembahan muzikal mula popular di Malaysia pada 1972 dengan persembahan "Muzikal Uda dan Dara" yang dipentaskan di Panggung Negara. Populariti genre teater ini boleh dikaitkan dengan pengaruh dari Barat dan naluri Melayu yang gemar dengan muzik.

Setakat ini Teater Muzikal yang hasil karya Malaysia yang pernah dipentaskan termasuk produksi kerajaan seperti ASWARA (Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan) dengan persembahan "Tun Razak the Musical" dan produksi swasta seperti "Puteri Gunung Ledang the Musical" (PGL). Seperti PGL, kebelakangan ini teater-teater muzikal seperti "Cuci" adalah adaptasi dari filem ke pentas.

Teater muzikal adalah satu gaya atau bentuk pementasan teater yang menggabungkan antaranya lagu, dialog pertuturan, tindak, dan tarian. Pasukan kreatif yang mengendalikan kesemua komponen tersebut termasuklah pengarah teater, pengarah muzik, pengarah artistik, koreografer, pemuzik dan ketua penari. Kisah dan kandungan emosi, aksi dan reaksi seperti perasaan sedih, marah, cinta

dan seterusnya disampaikan melalui perkataan atau dialog yang berlagu, muzik, pergerakan dan tarian perlu seimbang. Walaupun teater muzikal bertindih dengan bentuk-bentuk teater seperti opera (barat dan Opera Cina), namun yang boleh membezakan antara kedua-dua contoh yang diberikan iaitu teater barat dan opera cina adalah bagaimana kepentingan sama yang diberikan kepada muzik berbanding dengan dialog, pergerakan dan tari serta aksi gerak.

Teater muzikal di barat menjadi tarikan pelancong seperti: "*West Side Story* (1957)", "*Phantom of the Opera* (1986)", "*Lion King* (1994)", "*A Chorus Line* (1975)", "*Les Miserables* (1985)", dimana persembahan tidak terhenti dan menjana pendapatan untuk industri seni kreatif di Broadway (Amerika Syarikat) dan West End (London). Di Eropah persembahan yang seakan teater muzikal telah wujud dengan genre persembahan pada tahun 1910an dan 1920an. Istilah "*Tanztheater*" telah digunakan oleh ahli aliran tari di Jerman pada tahun 1920an dan 1920an. Mereka berbuat demikian untuk mengasingkan diri dari tradisi balet klasik. Rudolph von Laban menggunakan istilah ini untuk budaya tari yang dicipta. "*Tanztheater*" menggabungkan tarian, percakapan, nyanyian dan rintihan, tanpa menggunakan skrip, tetapi situasi tertentu seperti ketakutan, konflik dipersembahkan.

Jangkamasa kebanyakan teater muzikal adalah di antara satu jam setengah hingga tiga jam di mana kadang-kadang ia akan dipisahkan kepada dua bahagian dengan memberi masa rehat (*intermission*). Pada masa tersebut penonton boleh keluar dan berehat sebelum menonton babak yang kedua atau *act two*. Masa rehat ini juga akan memberi peluang kepada pereka set untuk penukaran set yang agak besar. Bahagian pertama selalunya akan mempunyai jangkamasa (*duration*) lebih lama daripada bahagian yang kedua. Babak pertama akan memperkenalkan hampir semua watak-watak dan latar muzik yang digunakan. Ia sering berakhir dengan pengenalan konflik dramatik atau komplikasi plot manakala Babak kedua mungkin memperkenalkan beberapa lagu baru tetapi biasanya mengandungi ulangan, tema penting, muzik dan ketetapan konflik. Buku muzik biasanya dicipta sekitar empat atau enam lagu tema utama yang akan diulang yang disusun mengikut *mood* atau situasi dalam adegan. Dialog yang dituturkan secara amnya